

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh empat jawapan pilihan. Pilih satu jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.

- 1 Ilmu ekonomi ialah bidang yang mengkaji cara manusia...
- A Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan golongan miskin.
 - B Menggunakan tabungan untuk meningkatkan pendapatan pada masa depan.
 - C Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara optimum.
 - D Menyeimbangkan pelbagai kehendak manusia dengan sumber ekonomi yang terhad.
- 2 Gambar 1 menunjukkan sejenis sumber ekonomi.




Gambar 1

Pernyataan manakah yang menggambarkan sumber ekonomi tersebut?

- A Menyelaraskan dan menggabungkan faktor pengeluaran
- B Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
- C Menggunakan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
- D Input pengeluaran dicipta oleh manusia untuk membantu proses pengeluaran

- 3 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran Firma Bernama.



Rajah 1

Apakah yang berlaku pada titik A,B dan C ?

- A Wujud masalah kos lepas
 - B Tingkat teknologi berubah-ubah
 - C Sumber ekonomi adalah tidak terhad
 - D Ekonomi belum mencapai guna tenaga penuh
- 4 Pernyataan di bawah berkaitan dengan ciri satu sistem ekonomi.

Pihak swasta dan kerajaan memiliki sumber ekonomi yang penting dalam pembangunan ekonomi negara

Apakah sistem ekonomi tersebut?

- A Sistem ekonomi sosialis
- B Sistem ekonomi campuran
- C Sistem ekonomi pasaran bebas
- D Sistem ekonomi perancangan pusat


- 5 Jadual 1 menunjukkan penawaran Farah dan Farisya terhadap sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (Unit)	
	Farah	Farisya
3	2	6
6	6	9
9	15	13

Jadual 1

Berapakah penawaran pasaran pada tingkat harga RM 9?

- A 8 unit
 B 15 unit
 C 23 unit
 D 28 unit
- 6 Rajah 2 menunjukkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan berlaku pergerakan dari Q_0 ke Q_1 ?

- A Kenaikan harga barang lain
 B Berlaku peningkatan teknologi
 C Kenaikan harga barang itu sendiri
 D Penarikan subsidi oleh kerajaan


- 7 Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Permintaan (Unit)	Penawaran (Unit)
25	100	30
50	80	60
75	60	90
100	40	120

Jadual 2

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM100?

- A Lebih penawaran
 - B Lebih permintaan
 - C Keseimbangan pasaran
 - D Kekurangan permintaan
- 8 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan tudung Saloma.



Rajah 3

Berapakah kuantiti **X** jika nilai keanjalan harga permintaan ialah 2.5?

- A 60 Unit
- B 65 Unit
- C 70 Unit
- D 75 Unit

- 9 Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi barang XY.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti Diminta
10	20

Jadual 3

Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pengeluar untuk meningkatkan hasil jualan bagi barang XY?

- A Pengeluar meningkatkan harga barang XY.
 - B Pengeluar menurunkan harga barang XY.
 - C Pengeluar meningkatkan permintaan barang XY.
 - D Pengeluar menunggu kerajaan memberikan subsidi.
- 10 Seorang nelayan menjual hasil tangkapan kepada pemborong ikan di pasar. Dengan pendapatan yang diperolehi, nelayan tersebut membeli 2 kg gula dan 10 kg beras untuk keperluan hariannya.
- Apakah fungsi wang tersebut?
- A Alat ukuran nilai
 - B Alat bayaran tertunda
 - C Alat perantaraan pertukaran
 - D Alat simpanan nilai

- 11 Bagaimanakah cara bank pusat menstabilkan nilai Ringgit Malaysia?
- I Mengawal kestabilan ekonomi
 - II Mengeluarkan mata wang negara
 - III Membeli Ringgit Malaysia apabila nilai Ringgit Malaysia rendah
 - IV Menggunakan alat dasar kewangan untuk memastikan kadar inflasi terkawal
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 12 Penyataan manakah yang menerangkan prinsip Takjiri dalam Perbankan Islam?
- A En Fadli boleh mengambil alih harta disewa
 - B Puan Aminah membeli rumah dengan pembayaran tertangguh
 - C Pihak bank sebagai pemegang amanah sijil saham milik Puan Puteri
 - D Cik Nely menyimpan wang sebanyak RM2000 untuk tempoh setahun

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan keluarga Pak Idris.

Pak Idris bekerja sebagai seorang petani . Isterinya, Mak Andak menjalankan perusahaan kerepek pisang secara kecil-kecilan. Mereka mempunyai dua orang anak yang bernama Farid yang bekerja sebagai guru dan anak bongsunya Hanum baru bergelar graduan bidang kejuruteraan mekanikal.

Siapakah yang terlibat di dalam pekerjaan sektor kedua?

- A Farid
- B Hanum
- C Pak Idris
- D Mak Andak

- 14 Jadual 4 berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Fakrul pada tahun 2023.

Pendapatan dan potongan	RM
Gaji	40 000
Elaun	500
KWSP	3360
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180
Bil air	130

Jadual 4

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Fakrul pada tahun tersebut?.

- A RM 3,510
 B RM 3,690
 C RM 4,090
 D RM 4,220
- 15 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mengelakkan inflasi
 II Meningkatkan pendapatan
 III membolehkan individu membeli barang mewah
 IV Membantu individu membuat tabungan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

16. Apakah jenis pelaburan yang memberikan pulangan dan tahap kecairan yang tinggi?

- A Unit Amanah
- B Saham syarikat
- C Sekuriti pinjaman
- D Urus niaga pertukaran asing

17. Pernyataan manakah yang betul tentang fungsi pengeluaran?

- A input tetap bermula pada pengeluaran sifar
- B gabungan output yang cekap untuk mengeluarkan input
- C Kombinasi input tetap dan input berubah dalam jangka panjang
- D penambahan input tetap akan meningkatkan pengeluaran jangka pendek

18. Pilih pasangan kos tetap dan kos berubah yang tepat bagi sebuah Syarikat Peneraju Perumahan.

	Kos Berubah	Kos Tetap
A	Susut nilai kereta	Pembelian simen
B	Gaji penyelia projek	Minyak petrol lori
C	Upah buruh kasar	Sewa Pejabat
D	Faedah pinjaman bank	Bil Elektrik

- 19 Jadual 5 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Jadual 5

Berapakah kos tetap firma tersebut?

- A RM 50
 - B RM 100
 - C RM 150
 - D RM 200
- 20 Jadual 6 berkaitan dengan kos pengeluaran barang X.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)	Kos Tetap (RM)
1	12	15
2	20	15
3	35	15
4	52	15

Jadual 6

Pada tingkat output berapakah kos purata paling minimum?

- A 1 unit
- B 2 unit
- C 3 unit
- D 4 unit

21 Berikut merupakan kos pengeluaran Firma Bahulu Bella.

Puan Bella telah meletakkan jawatannya sebagai pegawai syarikat insurans yang diberikan gaji RM5000 sebulan. Beliau memulakan perniagaan Kedai bakeri dengan wang simpanan di bank RM20 000 dengan kadar faedah 3% setahun. Pada bulan pertama perniagaan, beliau telah melakukan pembayaran bahan mentah RM3000 dan gaji pekerja RM1000

Berdasarkan kenyataan di atas berapakah kos Implisit?

- A RM 5,050
 - B RM 5,600
 - C RM 6,600
 - D RM 9,000
- 22 Faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti?
- I Struktur organisasi
 - II Kepuasan pengguna
 - III Sistem dan prosedur
 - IV Tingkat agihan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 23 Apakah faedah sosial yang akan timbul apabila projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah siap dilaksanakan dan dibuka untuk kegunaan masyarakat?
- A Penebangan hutan meningkat
 - B Nilai hartanah setempat meningkat
 - C Kos pengangkutan akan lebih tinggi
 - D Kadar pencemaran bunyi yang tinggi

- 24 Penyataan manakah yang menunjukkan peranan kerajaan sebagai pengeluar?
- A Kewujudan Bandar Baru Chuping melibatkan usahasama antara pihak swasta dan kerajaan.
 - B Kementerian Pendidikan menawarkan pengambilan guru One-Off
 - C Pembukaan Hospital Besar Padang Besar dijangka dapat meningkatkan kemudahan kesihatan penduduk sekitar.
 - D Perlaksanaan dasar upah minimum dijangka dapat meningkatkan produktiviti buruh tempatan.
- 25 Penyataan manakah yang betul tentang ciri – ciri pasaran monopoli semula jadi
- A Lebih daripada seorang pengeluar
 - B Berkuasa untuk menentukan harga
 - C Persaingan bukan harga amat penting
 - D Berlaku kebebasan keluar masuk pasaran
- 26 Penyataan yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?
- A Memberi subsidi kepada pengeluar barang elektrik di Malaysia
 - B Mengenakan cukai yang tinggi untuk pengguna kereta elektrik
 - C Mengurangkan cukai penggunaan untuk pengguna diesel
 - D Memberi insentif subsidi kepada pengeluar yang menggunakan teknologi hijau

27 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

- A Firma menutup operasi kilang kerana firma mengecilkan operasi
- B Kekurangan kemahiran menyebabkan orang ramai berhenti kerja
- C Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan
- D Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal

28 Pernyataan berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Menyediakan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia

Perbelanjaan pembangunan sektor manakah yang berkaitan dengan maklumat di atas ?

- A Sektor Keselamatan
- B Sektor Perkhidmatan Sosial
- C Sektor Perkhidmatan Ekonomi
- D Sektor Pentadbiran Am


29 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

"Pada tahun 2020 sehingga Julai 2021, sebanyak 5,095 majikan memberhentikan seramai 141,191 pekerja di Semenanjung Malaysia".
Sumber: Malaysiakini.com, 23 September 2022

Apakah alat dasar kewangan yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah di atas?

- A Menaikkan kadar faedah
- B Mengetatkan syarat sewa beli
- C Menjual surat jaminan kerajaan
- D Menurunkan nisbah rizab tunai

30 Rajah 4 berikut merupakan satu maklumat berkaitan perdagangan antarabangsa?



Rajah 4

X ialah

- A Syarikat Jore menjual barang kepada syarikat Nasika
 - B Syarikat Ratika memproses barangan daripada syarikat Dasuki
 - C Syarikat Helen membeli barang yang dihasilkan oleh Syarikat Irena
 - D Syarikat Jore membeli barangan daripada syarikat Nasika dan menjualnya kepada Syarikat Ratika
- 31 Apakah kesan kepada rakyat Malaysia apabila kerajaan mengenakan tarif ke atas barang import?
- A Kuantiti barang import meningkat
 - B Kuantiti barang tempatan menurun
 - C Harga barang tempatan relatif murah
 - D Harga barang import menjadi lebih murah

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Puan Asma dan Encik Amran bercuti ke Bali Indonesia dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia

Apakah komposisi perdagangan berdasarkan maklumat di atas?

- I Import barang Nampak
 - II Eksport barang Nampak
 - III Import barang tak Nampak
 - IV Eksport barang tak Nampak
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 33 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?
- A Ringgit Malaysia diramal meningkat
 - B Pelaburan syarikat Malaysia di Thailand
 - C Pelajar melanjutkan pelajaran di New Zealand
 - D Syarikat QC membeli mesin pengadun daripada Negara Jepun

- 34 Jadual 7 menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dan Pound Sterling

$\text{£}1 = \text{RM}6.00$

Jadual 7

Jika seorang pengimport England telah mengimport barang dari Malaysia yang bernilai 2,375 GBP, berapakah nilai yang perlu dibayar oleh pengimport England tersebut

- A RM 395.83
- B RM 2137.50
- C RM 3958.33
- D RM 14,250.00

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 35 I Keluk kemungkinan yang cembung menunjukkan kos lepas semakin meningkat
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran menyatakan teknologi adalah tetap.
- 36 I Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat.
 II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

[Lihat Halaman Sebelah
SULIT

- 37 I Risiko pelaburan ialah kemungkinan menghadapi sesuatu yang tidak pasti pada masa akan datang.
- II Pelaburan dalam saham syarikat mempunyai risiko yang rendah tetapi mempunyai pulangan tinggi.
- 38 I Kemahiran dan tahap motivasi tenaga manusia akan mempengaruhi produktiviti pekerja.
- II Produktiviti pekerja dapat ditingkatkan dengan pemberian ganjaran secara kewangan atau bukan kewangan.
- 39 I Dasar harga maksimum adalah penetapan harga yang lebih tinggi daripada tingkat harga keseimbangan.
- II Dasar harga minimum adalah dasar penetapan harga lebih rendah daripada tingkat harga keseimbangan.
- 40 I Imbangan dagangan berkaitan dengan beza antara nilai eksport barang nampak dengan nilai import barang nampak.
- II Kenaikan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing boleh menyebabkan imbangan dagangan menjadi semakin positif.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT